

19/07/1999

Pengundi Cina usah perjudi nasib

KESETIAAN masyarakat Cina terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) memang tidak pernah dipersoalkan. Malah, sokongan mereka kian meningkat dari semasa ke semasa. Sokongan padu mereka jugalah yang menjadi unsur penting BN begitu bersemangat dalam menghadapi sebarang pilihan raya. Memang keikhlasan masyarakat Cina terhadap BN tidak pernah diragui. Tetapi, kebelakangan ini disebabkan pembangkang menggunakan pelbagai cara dan tipu helah untuk meraih simpati, adalah dikhuatiri ada pengundi Cina yang mungkin terpengaruh dengan taktik mereka. Pas, contohnya, cuba membuka keanggotaan parti itu kepada masyarakat Cina sebagai ahli bersekutu dengan matlamat untuk meraih undi masyarakat Cina. Disebabkan taktik ini tidak menjadi, parti itu mungkin menukar cara lain. Pengundi Cina seharusnya menghadapi strategi yang akan digunakan oleh parti pembangkang. Mereka tidak akan berdiam diri selagi motif mereka untuk menipu pengundi tidak dapat dilaksanakan.

Dalam pilihan raya umum yang lalu, masyarakat Cina menolak terus pembangkang.

Apakah dengan berbuat demikian kini mereka hidup terhimpit. Ternyata, dengan memberi kemenangan kepada BN, kehidupan mereka tetap mewah seperti biasa. Oleh itu, apa faedahnya mencuba sesuatu yang baru sedangkan di bawah pemerintahan sedia ada, layanan yang diberikan adalah sama. Apakah parti pembangkang tidak malu dengan pengundi kerana selama ini mereka tidak melakukan sebarang usaha yang boleh meningkatkan taraf hidup masyarakatnya. Disebabkan tidak ada cara lain untuk menjatuhkan kerajaan, mereka memainkan isu politik dan mencari kesalahan kerajaan.

Disebabkan BN sudah pun menguasai hampir seluruh kerusi dalam pilihan raya lalu, tidak pula bermakna kali ini mereka mahu mencuba untuk mengundi pembangkang. Adalah tidak wajar jika ada pihak yang mengatakan sekali pun masyarakat Cina tidak memberi undi kepada BN, kerajaan yang memerintah hari ini pasti menang dan terus mempertahankan kuasa. Hakikatnya, walau pun satu undi kaum Cina, ia amat penting kepada BN. Mereka tidak seharusnya cuba-cuba untuk mengimbangi kuasa parti kerajaan dan pembangkang kerana berbuat demikian bermakna mereka cuba memperjudikan masa depan mereka dan generasi akan datang. Sepatutnya, usaha haruslah digembleng demi memastikan BN bertambah kuat menerusi sokongan di peti undi.

Mulai sekarang, pola kaum Cina lebih suka memilih parti pembangkang di kawasan bandar haruslah diubah. Di sesetengah kawasan, mereka memilih pembangkang berasaskan andaian jika pembangkang menguasai kawasan bandar sekali pun, pembangunan akan terus dilaksanakan. Mereka tahu pembangunan dibawa oleh parti pemerintah. Oleh itu, mengapa harus memilih pembangkang kerana berbuat demikian akan hanya menyebabkan calon parti pembangkang yang dipilih, 'goyang kaki' tanpa perlu melakukan sebarang tugas. Adalah lebih baik mereka memilih calon parti kerajaan yang tentunya akan memastikan kemajuan yang dibawa memenuhi hasrat mereka. Mereka juga lebih mudah berunding jika menghadapi sebarang masalah. Jika kawasan mereka diwakili parti pembangkang, ia akan menimbulkan pelbagai masalah kerana wakil mereka tidak pernah berurusan dengan soal pembangunan. Sudah tentu keadaan ini berbeza dengan calon BN yang boleh mengambil tindakan cepat terhadap sesuatu masalah di kawasan masing-masing.

Menerusi MCA dan Gerakan dalam BN, masyarakat Cina tidak perlu bimbang kerana kewujudan kedua-dua parti adalah untuk memastikan masa depan

masyarakat Cina terus terjamin. Selama ini pun tidak ada masalah bagi rakyat keturunan Cina untuk meningkatkan taraf ekonomi masing-masing. Tidak ada tanda-tanda peluang mereka terutamanya dalam bidang ekonomi terjejas. Sebaliknya, jika pembangkang memerintah negara ini, mereka mungkin menghadapi kesulitan disebabkan parti berkenaan tidak ada pengalaman menguruskan pentadbiran kerajaan, malah mereka mungkin menyebabkan keadaan ekonomi menjadi huru-hara semula. Tidak mustahil pembangkang akan memberhentikan pembangunan sebagaimana dibayangkan oleh beberapa pemimpin pembangkang sebelum ini. Tanpa sebarang pembangunan, masyarakat keturunan Cina juga tidak dapat meningkatkan kegiatan ekonomi mereka. Oleh itu, tanpa projek pembangunan, kedudukan ekonomi tidak boleh diperbaiki. Masyarakat Cina seharusnya meneliti kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA di Kuala Lumpur kelmarin, yang mengingatkan masyarakat Cina supaya tidak cuba menseimbangkan kekuatan antara pembangkang dan kerajaan. Mereka tidak seharusnya membuat keputusan yang salah atau mengikut perasaan semata-mata kerana akibatnya adalah buruk.

(END)